

Newspaper

Berita Harian

Date

28 January 2016

Kumpulan Aladdin sedia platform e-dagang halal

» *aladdinstreet.com.my beroperasi di lebih 30 negara*

Oleh Mohd Hamizar Hamid dan Roshazana Najwa Zainudin
bhnews@bh.com.my

Kumpulan Syarikat Aladdin mencipta sejarah sebagai pelopor penyediaan pensijilan halal dan patuh syariah bagi lebih 30,000 barangan jualan dan perkhidmatan dalam talian.

Menerusi *aladdinstreet.com.my*, kumpulan syarikat berkenaan yang beroperasi di lebih 30 negara, akan memenuhi keperluan bagi pelbagai produk termasuk farmaseutikal, fesyen, kosmetik, makanan serta perbankan.

Pengasas Kumpulan Syarikat Aladdin, Datuk Dr Sheikh Muszaphar Mansor, berkata pihaknya berhasrat menjadi platform e-dagang pertama di Malaysia, sekali gus menjadi portal pilihan bagi pengguna negara ini.

"Kami yakin (dengan perniagaan ini) kerana sudah menjalin kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan badan pentadbiran halal bagi memastikan hanya produk dan perkhidmatan halal diniagakan di *aladdinstreet.com.my*.



Abdullah menandatangani plak sambil disaksikan Jeanne dan Sheikh Muszaphar (dua dari kanan) pada majlis pra pelancaran *aladdinstreet.com.my* di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO ROSELA ISMAIL/BH]

"Dalam tempoh tiga tahun akan datang, kami menasaskan seramai 1,500 peniaga berpotensi akan berada dalam talian perniagaan ini," katanya pada sidang media selepas majlis pra pelancaran *aladdinstreet.com.my* di Kuala Lumpur, semalam.

Majlis perasmian pra pelancaran berkenaan disempurnakan bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi yang turut merasmikan pembukaan ibu pejabat global Kumpulan Syarikat Aladdin.

Yang turut hadir, isteri Tun Jeanne Abdullah dan Pengarah Eksekutif Kumpulan Aladdin, Azizi Meor Ngah.

Mengulas lanjut, Sheikh Muszaphar berkata, pihaknya

akan turut memasuki pasaran bukan Islam dan sebagai langkah awal mereka perlu memberi penjelasan mengenai pengertian halal sebenar.

"Halal bukan setakat mengenai sembelihan dilakukan orang Islam, tetapi merangkumi pelbagai aspek, terutama membabitkan kebersihan," katanya.

Pemeriksaan ketat

Beliau menjelaskan, penyertaan peniaga dalam *aladdinstreet.com.my* juga eksklusif, iaitu menerusi tawaran sahaja dan pemeriksaan ketat akan dijalankan pasukan petugas integriti perniagaan *aladdinstreet.com.my* sebelum dipilih.

"Pasukan pemeriksa berkenaan terdiri daripada panel pakar antarabangsa mengenai perkara berkaitan halal dan patuh syariah dan proses pemilihan akan mengambil masa antara satu hingga bulan dua bulan," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Abdullah berkata, kira-kira 60 peratus daripada 30 juta penduduk negara ini terdiri daripada orang Islam dan kehadiran *aladdinstreet.com.my* sangat tepat pada masanya.

"Sebagai negara anggota Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), negara ini mempunyai pengguna Islam yang matang dan permintaan tinggi untuk produk halal," katanya.